

***Hikayat Tanah Jauh* dari Perspektif Realisme Magis**

Hikayat Tanah Jauh From The Perspective Of Magic Realism

Tuan Rusmawati Raja Hassan
rusmawati.rh@umk.edu.my

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Bachok)

Mawar Safei
mawar.safei@ukm.edu.my

Pusat Bitara Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia

Published: 07 Jun 2023

To cite this article (APA): Raja Hassan, T. R., & Safei, M. (2023). *Hikayat Tanah Jauh* dari Perspektif Realisme Magis: *Hikayat Tanah Jauh From The Perspective Of Magic Realism*. *PENDETA*, 14(1), 25–34. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.3.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.3.2023>

ABSTRAK

Kemunculan aliran realisme magis dilihat melalui gabungan antara dua dunia, iaitu dunia nyata dan dunia fantasi yang membawa pemikiran baru dalam karya sastera. Penelitian terhadap realisme magis dalam suatu karya sastera sangat penting kerana pada dasarnya realisme magis merupakan satu refleksi yang nyata mengenai budaya dan sosial masyarakat. Kajian ini meneliti novel *Hikayat Tanah Jauh* (2015). Ia dikerjakan menggunakan kerangka realisme magis oleh Wendy B. Faris (2004). Terdapat lima prinsip dalam dasar fahaman realisme magis Wendy B. Faris iaitu elemen yang tidak boleh dijelaskan (irreducible element), dunia fenomena (*phenomenal world*), elemen yang diragui (*unsettling doubt*), alam yang bergabung (*merging realms*), dan berlaku gangguan waktu, ruang, dan identiti (*disruption of time, space, and identity*). Ditemukan, novel ini akrab dengan prinsip elemen yang tidak dapat dijelaskan, elemen yang diragui dan elemen gangguan waktu, ruang dan identiti. Novel ini didapati memanfaatkan realisme magis dalam penciptaan latar dan watak. Pengarang melakarkan watak wanita “si pemakan berlian”. Pengarang juga membawa pembaca ke “Tanah Jauh”, sebuah wilayah persis negeri Melayu sebagaimana dalam karya sastera tradisional. Turut diperagakan “Tanah Jauh” sebagai sebuah kota yang sepi akibat pemimpinnya yang menggilai emas. Jelas bahawa Zainal Abidin Rashid menggunakan novel sebagai alat dalam menyampaikan ideologi, pegangan dan pemikirannya.

Kata kunci: dunia nyata; dunia fantasi, *Hikayat Tanah Jauh*; realisme magis; Wendy. B. Faris, Zainal Abidin Rashid

ABSTRACT

The emergence of the magical realism trend is seen through the combination of two worlds, namely the real world and the fantasy world that brings new thinking in literary works. Research on magical realism in a literary work is very important because basically magical realism is a real reflection on the culture and social society. This study examines the novel Hikayat Tanah Jauh (2015). It was done using the framework of magical realism by Wendy B. Faris (2004). There are five principles in the basis of Wendy B. Faris' magical realism, which are the irreducible element, the phenomenal world, the unsettling doubt, the merging realms, and the disruption of time, space, and identity (disruption of time, space, and identity). Found, this novel is familiar with the principle of the unexplained element, the element of doubt and the element of disruption of time, space and identity. This novel is found to utilize magical realism in the creation of setting and characters. The author sketched the female character "the diamond eater". The author also takes the reader to "Tanah Jauh", a region exactly like the Malay state as

in traditional literary works. Also shown is "Tanah Jauh" as a silence city due to its gold-crazy leader. It is clear that Zainal Abidin Rashid uses the novel container as a tool in conveying his ideologies, beliefs and thoughts.

Keywords: *real world; fantasy world; Hikayat Tanah Jauh; magical realism, Wendy. B. Faris; Zainal Abidin Rashid.*

PENGENALAN

Aliran Realisme magis di Malaysia bukan sahaja masih dianggap baharu, malah tidak ramai penulis yang berminat untuk menerokanya (Asmiaty Amat & Roziah Adama, 2021). Selain ia sukar untuk difahami pembaca, gaya penulisan realisme magis seolah-olah satu gaya yang hanya membingungkan pembaca kerana ia sarat dengan ketidakjelasan dan sarat dengan *absurdity*. Penggunaan unsur realisme dalam karya oleh penulis bertujuan untuk merujuk kepada perkara-perkara yang nyata, manakala magis pula merujuk kepada peristiwa luar biasa, khususnya sesuatu yang bersifat kerohanian dan tidak dapat dibuktikan secara saintifik (Bowers, 2004). Penelitian terhadap realisme magis dalam suatu karya sastera sangat penting kerana pada dasarnya realisme magis merupakan satu cerminan atau refleksi yang nyata mengenai budaya dan sosial masyarakat.

Sastera antara lain merupakan wadah untuk berkomunikasi dengan bidang-bidang lain. Ia berkembang sesuai dengan perubahan masyarakat di mana "ia hidup". Karya sastera merupakan komunikasi antara sasterawan dan pembacanya. Hal ini kerana, pengarang mengungkapkan segala ideologi, pegangan dan pemikirannya lewat karya. Pengarang juga menyampaikan idea yang tidak dapat dipisahkan dari latar belakang dan lingkungannya. Dalam perspektif sosiologi sastera, karya sastera merupakan cerminan kehidupan masyarakat.

Dalam suatu karya sastera, hubungan antara pengarang dan pembaca harus difahami sebagai hubungan yang bermakna. Ia merupakan pola-pola hubungan yang terbuka dan produktif dengan implikasi sosial, dan tidak bersifat tunggal. Pengarang menciptakan bentuk-bentuk yang memungkinkan untuk mengadakan komunikasi timbal balik. Pengarang menghubungkannya persekitaran dengan ideologi menerusi proses kreatif- imaginatif yang berfungsi untuk menopang kehidupan sastera secara keseluruhan. Dalam erti kata lain, unsur realisme magis ini dapat menjadi satu kiasan untuk menyatakan halhal yang nyata dalam kehidupan masyarakat. Perkara ini dikaitkan dengan kewujudan mitos dan legenda dalam teks sastera Melayu sendiri yang menjadi sebagai satu cara untuk mengkritik golongan masyarakat secara halus di samping menunjukkan unsur keindahan dan hiburan kepada pembaca. Dikesani, antara pengarang yang cenderung menyindir secara halus lewat karyanya adalah Zainal Abidin Rashid.

Zainal Abidin Rashid merupakan seorang anak kelahiran Alor Setar, Kedah. Beliau merupakan lulusan Universiti Sains Malaysia dan bidang penulisan kreatif. Zainal Abidin Rashid berpengalaman sebagai wartawan dan sasterawan. Sebagai wartawan, Zainal Abidin Rashid pernah bertugas di beberapa agensi media berbeza, termasuk Utusan Melayu, Astro, NTV7 dan TV3. Hasil kerja tangan beliau diiktiraf apabila dianugerahkan pelbagai hadiah, misalnya Anugerah Dokumentasi Terbaik (2004&2010) dan Anugerah Media Pertahanan (2009). Selain itu, Zainal Abidin Rashid turut dinobatkan sebagai pengarah dan penulis skrip terbaik. Menelusuri kerjaya sebagai seorang sasterawan Melayu, ia bermula sejak tahun 90-an. Seawal tahun 1990, puisinya berjudul "Genderang Perang" tersiar dalam majalah *Dewan Sastera* sekaligus menyerlahkan bakat penulisannya. Sehingga tahun 2015, terdapat lebih 150 buah cerpen yang beliau hasilkan. Zainal Abidin Rashid dikatakan sendeng menggabungkan sastera Melayu lama dan moden dalam karyanya, misalnya *Al-Kisah* (2012), *Yang Tercinta* (2012), *Empunya Hikayat* (2014), *Hikayat Tanah Jauh* (2015) dan *Sekuntum Bunga Neraka* (2019). Sepanjang keterlibatan Zainal Abidin Rashid dalam arena persuratan Melayu, beliau memenangi lebih 40 anugerah sastera seperti Hadiah Sastera Utusan, Hadiah Sastera Perdana dan Hadiah Sastera Islam. Makalah ini bakal meneliti salah sebuah novel Zainal Abidin Rashid iaitu *Hikayat Tanah Jauh*.

Dalam bidang kesusasteraan, penulisan karya realisme magis dilihat mengandungi aspek *supernatural* tetapi perkara ini hanya diakui, diterima, dan terintegrasi dalam rasionaliti dan materialiti. Penulisan cerita dengan realisme magis turut menghadirkan nilai-nilai *supernatural* dan fantasi seperti kejadian yang biasa terjadi dalam kehidupan seharian manusia sehingga watak-watak yang terdapat di

dalam cerita tidak memiliki keanehan. Didapati, terdapat pembauran latar sastra Melayu lama dan sastra moden serta unsur magis pada penciptaan latar dan watak dalam novel ini. Hal tersebut menimbulkan satu tanggapan terhadap kepengarangan Zainal Abidin Rashid yang berpengalaman luas dalam bidang kewartawanan, menggunakan wadah novel dalam menyalurkan pemikirannya.

PENELITIAN LITERATUR

Kajian berjudul “Pemaparan Realisme Magis dalam Filem: Satu Kajian Psikodinamik Terhadap Karakter Dalam Filem *Pan’s Labyrinth 2006*” dilakukan Muhammad Hafiz Mohd Hamzan (2013). Menerusi penelitian ini, beliau mendapati bahawa realisme magis merupakan suatu terma mahupun genre yang sangat meluas penggunaannya dalam seni kesusasteraan terutama dalam cabang sektor perfileman di dunia. Namun begitu, di Malaysia, terma ini seakan masih baru dan kurang digunapakai dalam kajian buku-buku ilmiah. Dikesani, sering kali berlaku salah faham dalam memahami pengertian sebenar konsep realisme magis dengan aliran seangkatan dengannya seperti fantasi dan surealisme.

Kajian berjudul “Pemaparan Realisme Magis dalam Filem: Satu Kajian Psikodinamik Terhadap Karakter Dalam Filem *Pan’s Labyrinth 2006*” dilakukan Muhammad Hafiz Mohd Hamzan (2013). Menerusi penelitian ini, beliau mendapati bahawa realisme magis merupakan suatu terma mahupun genre yang sangat meluas penggunaannya dalam seni kesusasteraan terutama dalam cabang sektor perfileman di dunia. Namun begitu, di Malaysia, terma ini seakan masih baru dan kurang digunapakai dalam kajian buku-buku ilmiah. Dikesani, sering kali berlaku salah faham dalam memahami pengertian sebenar konsep realisme magis dengan aliran seangkatan dengannya seperti fantasi dan surealisme.

Lewat penelitian Sandra Whilla Mulia (2016) dalam “Realisme Magis dalam Novel *Simple Miracles dan Arwah Karya Ayu Utami*”, beliau cuba mengungkap unsur realisme magis serta konteks sosial budaya yang menjadi pencetus kepada wujudnya unsur realisme magis tersebut. Hasil kajian mendapati, realisme magis yang ternarasikan dalam novel Ayu Utami tidak hanya sarat dengan karakteristik realisme magis Faris dengan memperlihatkan eksistensi mitos dalam era moden, tetapi dikesani teguh mengukuhkan kepercayaan mitos masyarakat Jawa serta merombaknya. Konteks sosial budaya yang mempengaruhi pembikinan novel ini adalah kebudayaan Jawa yang sarat dengan unsur-unsur tradisional. Dikesani, wujud dua isu sosial dan pemaknaan iaitu kesukaan orang Jawa pada hal-hal mistik dan berkaitan dengan makhluk halus serta isu mengenai akulturasi budaya Jawa dengan agama-agama di Jawa.

Realisme Magis dalam Kajian Visualisasi Bahasa pada Novel Grafis *The Photographer: Into War-Torn Afghanistan, with Doctors without Borders* (2016) yang dikerjakan oleh Adya Arsita dan Wening Udasmoro cuba menemukan bentuk visualisasi bahasa dengan menempatkan novel grafis sebagai media naratif dalam menyampaikan pesan dan makna serta saling keterkaitan satu sama lain dengan munculnya dua ragam jenis teks piktorial. Ditemukan bahawa, karakteristik realisme magis dalam novel grafis tersebut melalui visualisasi bahasa yang tertuang dalam panel komik dan frame foto. Ditemukan bahawa, novel grafis tersebut memiliki kelima karakteristik realisme magis yang mengusung pesan tersirat bahawa dalam keseluruhan pembacaan objek kajian tersebut terdapat suatu bentuk relasi kuasa antara Barat dan Timur dan bagaimana Barat memandang Timur.

Purnaning Siwi Kusumastuti (2017) melakukan kerja-kerja penyelidikan dalam makalah “*Analisis Penggambaran Unsur Magis dalam Anime Ponyo dan The Little Mermaid*”. Beliau mengkaji dua *anime* ini menggunakan teori sastra bandingan dan teori realisme magis. Teori sastra bandingan digunakan untuk membandingkan tema, penggambaran latar dan penggambaran tokoh. Perlukisan realisme magis pula meliputi penggunaan media cahaya dan penggunaan gerakan tangan. Didapati, dua *anime* tersebut memiliki persamaan dan perbezaan dari segi tema, latar dan tokoh. Penggunaan pencahayaan pula meliputi cahaya asal serta cahaya yang berbeza-beza, manakala penggunaan gerakan tangan sebagai media magis tokoh-tokoh dalam *anime* tersebut. Penggunaan gerakan tangan tersebut meliputi menelungkupkan telapak tangan, mengayunkan tongkat, mengayunkan tangan, dan menghentakkan telapak tangan.

Ahmad Syarifudin dan Aprinus Salam (2018) menerusi “Kajian Karya-Karya Sanarto Sebagai Realisme Magis” menyatakan bahawa, sasterawan menggelarkan Danarto sebagai pelopor realisme magis di Indonesia. Justeru, bagi membuktikan hal tersebut, kajian dilakukan ke atas karya-karya Danarto iaitu *Godlob, Panggung, Adam Marifat, Rintrik, dan Kecubung Pengasih*. Setelah

mengidentifikasi ciri-ciri sebenar realisme magis, dapatan kajian menunjukkan bahawa Danarto tidak bercirikan realisme magis seperti yang difahami mereka.

Menurut kajian oleh Sie, Hendrikus (2020) iaitu “Realisme Magis Dalam Novel *Seratus Tahun Kesunyian* Karya Gabriel Garcia Marquez Berdasarkan Konsep Karakteristik Realisme Magis Wendy B. Faris”, beliau cuba menekuni konsep karakteristik realisme magis dalam novel tersebut. Pendekatan yang dipakai dalam kajian ini adalah konsep karakteristik realisme magis Wendy B. Faris yang meliputi *the irreducible element, the phenomenal world, merging realms, unsettling doubts, dan disruption of time, space and identity*. Konsep karakteristik realisme magis dalam novel *Seratus Tahun Kesunyian* ini ditemukan dalam lima peristiwa atau adegan iaitu, sewaktu peristiwa kenaikan Remedios si cantik ke langit, peristiwa permadani terbang, peristiwa kehadiran makhluk aneh, peristiwa Melquiades dan gulungan perkamennya. Akhir sekali, ia ditemukan dalam peristiwa Pastor Nichanor terbang.

Asmiaty Amat & Roziah Adama (2021) menerusi “Dunia Hampir Bergabung dalam *Kumpulan Cerpen Laron* oleh Jasni Matlani: Satu Bacaan Realisme Magis” menyatakan bahawa, dalam penulisan karya realisme magis wujud unsur-unsur penggabungan antara dua dunia iaitu realiti dan magis. Beliau melakukan penelitian terhadap *Kumpulan Cerpen Mat Laron* (2010) yang menghimpunkan 30 buah cerpen. Tiga buah cerpen iaitu “Laron”, “Dua Helai Daun” dan “Perempuan Berbau Harum” dijadikan mauduk kajian. Asmiaty Amat & Roziah Adama melakukan kerja-kerja analisis tentang ciri-ciri realisme magis dengan mengaplikasikan salah satu daripada lima ciri mengikut fahaman Wendy B. Faris iaitu dua dunia yang hampir bergabung (*merging realms*). Beliau mendapati, cerpen-cerpen Jasni Mat Lani memenuhi konsep elemen dunia yang hampir bergabung dan mengkategorikannya sebagai sebuah karya realisme magis.

HIKAYAT TANAH JAUH DAN REALISME MAGIS

Umum maklum bahawa, realisme magis bermula daripada kebudayaan masyarakat Amerika Latin dan kemudian merebak sehingga menjadi satu manifestasi nasionalisme budaya masyarakat tersebut. Ia dikesani berlaku dalam kalangan penulis-penulis Amerika Latin yang mana mereka ini memperjuangkan nasionalisme budaya menerusi genre cereka di samping mencampuradukkan unsur-unsur tradisi popular atau magis dengan masukan eksperimental identiti Eropah.

Contohnya penulisan prolog novel kedua Alejo Carpentier yang bertajuk “The Kingdom Of This World” pada tahun 1994, beliau memperkenalkan satu konsep “Lo real Maravilloso” atau “Marvellous”. Pada dasarnya, istilah realisme magis telah dicipta oleh pengkritik seni yang berbangsa Jerman iaitu Franz Roh menerusi bukunya yang bertajuk *After Expressionism: Magis Realisme: Problems Of The Newest European Painting* pada tahun 1925. Berpandukan istilah tersebut, Franz Roh menjelaskan bahawa, realisme magis merupakan pandangan magis berdasarkan realiti di samping mendedahkan unsur-unsur misteri yang terselindung dalam kehidupan seharian.

Menurut Rahman Shaari (2006) istilah realisme magis dalam dunia penulisan pertama kali digunakan oleh Alejo Carpentier. Ia membawa maksud percampuran realiti seharian dengan imaginasi luar biasa yang disaring dari budaya setempat. Secara dasarnya, plot penceritaan karya realisme magis bersifat kompleks dan berlapis-lapis. Pengarang cenderung menggarap penceritaan yang bercampur aduk antara realiti dengan unsur mitos, legenda dan sejarah misalnya.

Menurut Shahnnon Ahmad (2002), istilah realisme magis merupakan dua gabungan kata iaitu “realism” dan “magis”. Gerakan realisme yang bermula awal abad ke-19 dan digunakan dalam bentuk prosa untuk menggambarkan ilusi kehidupan yang mencakupi para watak, peristiwa dan semua perihai yang ditanggapi oleh pancaindera umum (realiti). Ia diaplikasikan kepada prosa yang memaparkan ilusi kehidupan yang mencakupi persekitaran yang para watak dan segala keperihalan yang realistik atau munasabah. *Magic* pula merujuk pada jalinan unsur-unsur fantasi, mitos dan legenda. Dalam konteks mitos dan legenda inilah banyak dongengan cerita pari-pari, manusia boleh terbang, kematian dan tragedi yang menakjubkan dan makhluk-makhluk yang di luar alam nyata. Unsur *supernatural* juga digabungkan sehingga penampilan keluarbiasa ketara sekali. Laggam penceritaan digembargemburkan, dilebih-lebihkan sehingga lebih fantasi, lebih sensasi dan karutnya menyimpang dari dunia nyata. Seterusnya, unsur-unsur realisme dijalinan dengan unsur-unsur fantasi, mitos dan lagenda atau telah diolah kembali (dieksploitasi). Melalui gabungan kedua-dua unsur ini, maka wujudlah aliran realisme magis yang menjadi *trademark* di dalam sesebuah karya sastera tertentu.

Aliran ini menggariskan ciri-ciri seperti hubungan sebab musabab yang kurang relevan, peristiwa ke peristiwa jelas namun ada unsur luar biasa, peristiwa masa kini bertindih dengan masa silam, adanya hubungan dengan unsur magis, mitos, legenda serta falsafah, perwatakan yang berhubungan dengan latar dan sejarah, banyak. Selain itu, terdapat banyak deskripsi fikiran daripada fizikal, latar sosial mempengaruhi perkembangan jalur cerita dan sering terjadinya pertentangan.

Sejarah Melayu merupakan salah satu karya yang mempunyai persoalan realisme magis. Ianya dapat dilihat melalui pemeragaan episod dan peristiwa-peristiwa tertentu misalnya peristiwa pengembaraan tiga orang anak Raja Suran yang turun ke dunia dengan menaiki lembu putih. Peristiwa kemunculan ketiga-tiga putera tersebut berlaku di Bukit Si Guntang Mahameru. Dalam peristiwa pengembaraan tersebut, dikatakan terdapat gabungan unsur realisme dengan magis.

Dari segi realisme ia merujuk kepada Bukit Si Guntang Mahameru yang terletak di Palembang. Bukit ini dijadikan sebagai lokasi bersejarah dan dianggap sebagai suci dan keramat. Unsur realisme ini disatukan dengan unsur magis iaitu Bukit Si Guntang Mahameru mengalami unsur yang luar biasa setelah ketiga-tiga puteri itu turun ke bukit tersebut. Misalnya, padi Wan Malini dan Wan Empuk telah bertukar berbuah emas, batang menjadi suasa dan tanah di bukit menjadi keemas-emasan.

Sehubungan itu, terdapat unsur-unsur realisme magis yang ditonjolkan dalam karya-karya lain misalnya, dalam cerita-cerita lipur lara Melayu dan sastera tradisional seperti *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Anggun Che Tunggal* dan sebagainya. Tujuan persoalan realisme magis yang terdapat dalam sesebuah karya adalah untuk menjadikan sesebuah cerita itu menarik dan mengagumkan dalam membentuk perspektif masyarakat Melayu.

Unsur-unsur realisme magis yang diterapkan dalam sesebuah karya sastera Melayu lama khususnya bertujuan mengangkat darjat raja, menggambarkan kehebatan sesebuah pembukaan negeri atau kerajaan, penaklukan, kesucian agama dan sebagainya. Dalam konteks ini, pengarang memainkan peranan yang penting dalam menggabungkan kedua-dua unsur ini secara serentak sehinggakan unsur realiti dan fantasi menjadi sebatu antara satu sama lain. Mengikut pandangan Muhd Yusoff Hashim (2015), antara karya-karya Melayu di Nusantara, *Sejarah Melayu* merupakan salah sebuah karya yang dikarang daripada hasil gabungan unsur realisme magis. Persoalan realisme magis yang terdapat dalam *Sejarah Melayu* membuktikan pengarangnya begitu kreatif di samping memartabatkan budaya penulisan di alam Melayu.

Karya realisme magis dikesani menerusi wujudnya peristiwa tidak difahami dan tidak dapat dijelaskan punca berlakunya sesuatu peristiwa itu. Manakala watak pula cenderung bersifat misteri. Plot dijangkir balik dari masa lalu kembali ke masa depan atau sebaliknya. Penamat cerita juga biasanya tergantung dan mewujudkan rasa tidak puas hati khalayak yang membacanya. Ann Bowers (2004:20) menyatakan, “realism is allows the writer to present many details that contribute to a realistic impression”. Beliau menjelaskan bahawa “realisme” dalam karya digunakan oleh penulis untuk mewujudkan unsur-unsur yang merujuk kepada perkara-perkara yang nyata. Manakala “magis” bermaksud “refers to any extraordinary occurrence and particularly to anything spiritual or unaccountable by rational science” (2004:19), iaitu merujuk kepada peristiwa yang luar biasa dan sesuatu yang bersifat kerohanian dan tidak dapat dibuktikan secara saintifik.

Sering dengan itu, realisme magis pada zaman kontemporari bangkit sebagai aliran penulisan yang penting untuk pengarang menyatakan pemikiran tentang isu-isu penting dalam masyarakat menggunakan perlambangan. Malah pendapat dan pemikiran pengarang yang selama ini dipinggirkan dapat diangkat semula dalam karya realisme magis. Lebih penting bagi pengarang Amerika Latin menganggap realisme magis mewakili kemerdekaan dunia kesusasteraan Amerika Latin yang selama ini terkongkong dalam gaya penulisan Eropah yang dianggap kolot dan tidak memaparkan hakikat kehidupan masyarakat yang sebenar.

Menurut Wendy B. Faris (2004) dalam bukunya *Ordinary Enchantments Magical Realism and Remystification of Narratives*, realisme magis mempunyai lima ciri khusus, iaitu elemen yang tidak boleh dijelaskan (irreducible element), dunia fenomena (phenomenal World), elemen yang diragui (unsettling doubt), alam yang bergabung (merging realms), dan berlaku gangguan waktu, ruang, dan identiti (disruption of time, space, and identity).

Konsep realisme magis oleh Wendy B. Faris ini merupakan teori yang kukuh dan jelas untuk dijadikan landasan dalam kajian. Namun begitu, kajian ini hanya memanfaatkan elemen yang tidak boleh dijelaskan, elemen yang diragui serta elemen gangguan waktu, ruang, dan identiti dalam menaakul novel *Hikayat Tanah Jauh*.

KEBUNGKAMAN SEBUAH KOTA

Novel *Hikayat Tanah Jauh* antara lain mengisahkan tentang Puan Insun, pemilik Tanah Gadang yang serakah dan bersifat materialistik. Puan Insun digambarkan hanya memakai pakaian yang diperbuat daripada emas dan menjadikan berlian sebagai minumannya. Bermula episod duka Pacal Tua dan Pandai Emas apabila diperintahkan untuk berusaha memenuhi kegilaan Puan Insun, termasuklah meminta seorang Tuan Syeikh turun ke perigi buta untuk mencari berlian yang kononnya berdasarkan mimpi, dimuntahkan oleh seekor naga. Namun begitu, diceritakan bahawa perigi buta sebenarnya menyimpan banyak misteri tentang rahsia Tuan Rumbaka Si Tukang Sihir, Marwah dan Asmira.

Pada awal penceritaan, pengarang menggarap latar sebuah kota. Apabila merujuk kepada definisi sebuah kota, ia menemui khalayak dengan rencam tafsiran. Namun biasanya ia membawa maksud suatu wilayah yang besar. Terdapat pelbagai lapisan masyarakat yang mendiaminya dan wujud pelbagai sektor pekerjaan sama ada dalam bidang pendidikan, perniagaan, kesihatan, pengangkutan dan perbankan misalnya. Banyak kemudahan prasarana dan infrastruktur yang boleh didapati dengan mudah, berdirinya bangunan-bangunan pencakar langit serta akses kepada teknologi yang pelbagai.

Dalam konteks *Hikayat Tanah Jauh*, novel ini mempamerkan kehidupan masyarakat di sebuah kota yang bungkam dan disaluti kesepian. Kesunyian adalah situasi di mana tiada suara yang dapat didengari. Rakyat di kota tersebut juga senyap dan berkomunikasi sesama mereka. Diibaratkan, seandainya jatuh sebatang jarum, suaranya berdenting ke seluruh kota;

“...Kali ini, walaupun dalam kesunyian yang membekukan udara dalam ruang tamu itu, hinggakan kain langsir di jendela yang tercahrik dan terbelah dek tajamnya suara arahan itu dapat didengar dengan jelas...”

(*Hikayat Tanah Jauh*, hlm. 3)

Pengarang menggambarkan kepada khalayak tentang suasana keheningan dalam Mahligai Gadang bila mana Pacal Tua diherdik dengan suara yang kuat oleh Puan Insun. Di sinilah unsur magis berlaku, iaitu suara yang nyaring boleh menyebabkan kain langsir terkoyak. Walaupun Puan Insun merupakan majikan kepada Pacal Tua, namun perlakuan Puan Insun terhadap pekerjanya tidak ubah seperti memperlakukan seorang hamba abdi. Pacal Tua dimarahi, dan dimaki dengan kata-kata yang kesat. Tiada langsung dipamerkan rasa hormat kepada orang yang lebih tua. Kesenyapan Pacal Tua dan masyarakat kota seakan mempamerkan kesedihan, masalah atau tekanan yang sedang mereka tanggung setiap hari melalui bahasa tubuh dan raut wajah. Kota ini dibungkus kebungkaman sedemikian rupa juga disebabkan oleh pemerintahnya menggilai emas sehingga sanggup mengarahkan orang alim agar turun ke dalam perigi buta supaya mendapatkan emas di bawah jagaan seekor naga.

WANITA MATERIALISTIK

Majoriti sikap masyarakat hari ini adalah memandang kebendaan semata-mata. Misalnya, penilaian awal terhadap seseorang yang baru dikenali biasanya menjurus kepada jenama pakaian, jenis kenderaan, budaya berbelanja dan jenis pekerjaan. Kejayaan seseorang turut diukur dari aspek material. Malahan golongan ini akan lebih dihormati dan berada dalam lapisan atas dalam stratifikasi sosial. Akibatnya, masyarakat saling berlumba-lumba mengejar kemewahan tanpa mpedulikan cara bagi mendapatkannya. “Matlamat menghalalkan cara” seakan sinonim dengan golongan sebegini.

Walaupun wanita sering kali dikaitkan dengan pemakaian emas, namun apabila seseorang itu memakai emas di luar kebiasaan, ia dianggap sudah tidak normal. Sifat negatif inilah yang menjadi dasar pemikiran seseorang sangat mempengaruhi langkah dalam sesuatu tindakan. *Hikayat Tanah Jauh* menyetengahkan watak wanita yang bersifat materialistik iaitu cintakan emas sehinggakan makanan, minuman serta pakaian pun perlu disaluti dengan emas, kristal dan berlian, misalnya;

“...Jumaat itu, isterinya mengaku, bahawa dirinya hanya akan memakan debu emas yang dihidangkan di dalam pinggan porselin; dan harus dihias dengan lukisan kerawang senduduk berwarna ungu...”

(*Hikayat Tanah Jauh*, hlm. 1)

“...Bukan sahaja perihal pakaian...malah saya diminta menghidangkan minuman dalam gelas kristal. Serta tiap minuman yang disaji, hendaklah ditabur 77 potongan berlian; yang tiap satu, haruslah sebesar biji sawi...”

(*Hikayat Tanah Jauh*, hlm. 6)

Pengarang mempamerkan ketamakan watak wanita yang begitu menggilai emas sehinggakan makan minumannya hanya emas semata-mata. Apabila hal ini diluar kelaziman manusia biasa, ia disebut sebagai unsur magis. Realitinya, manusia biasa makan makanan yang dimasak sendiri atau dibeli di kedai serta minum air. Jika seseorang manusia biasa makan dan minum sama seperti apa yang diperagakan oleh watak Puan Insun, sudah tentu orang tersebut akan dimasukkan ke hospital atau akan meninggal dunia akibat tercekik. Selain unsur magis melalui makan dan minum, pengarang turut melakarkan unsur magis melalui pemakaian watak wanita. Sebagai contoh;

“...Ingat! Selain emas dan tukangnyanya, kalau kau gagal bawakan berlian terbaik untuk tataan jubahku..matilah kau!...”

(*Hikayat Tanah Jauh*, hlm. 3)

“...Leburkan segala emas yang ada; kemudian tukangkan halus-halus supaya menjadi seperti emping beras. Arahkan Pandai Emas yang terkenal itu, menyusun kepingan emas itu menjadi pakaian dan pastikan jubah itu, tidak ada seurat pun ikatan benang!...”

(*Hikayat Tanah Jauh*, hlm. 6)

Puan Insun didapati tidak mahu berpakaian sama seperti kebanyakan orang. Beliau memaksa si Pandai Emas menghasilkan jubah-jubah dari kepingan emas yang tidak dijahit menggunakan benang serta jubah tersebut harus bertatahkan berlian. Unsur magis yang ditemukan disini adalah jubah emas yang tidak dijahit. Orang kebanyakan biasanya memakai pakaian atau kain yang diperbuat daripada kapas, sutera, sifon ataupun kulit. Berbeza dengan Puan Insun, pakaiannya hanya terdiri daripada jubah yang diperbuat daripada emas dan bertakhtakan berlian. Tidak cukup dengan makan, minum dan pakaian daripada emas dan berlian,

Puan Insun seakan melangkaui batas kemanusiaan apabila beliau mengarahkan seorang alim ulama' iaitu Tuan Syeikh untuk pergi ke dalam perigi buta bagi mencari berlian yang dimuntahkan oleh seekor naga. Diperagakan;

“...Tunggu hingga naga itu mengaum...kerana selepas ngaumannya, akan termuntahlah berlian dan mutiara. Belum pun sempat suaminya bersura, Puan Insun berkata lagi; “Ingat...dasar kolam yang dipijak itu, adalah timbunan debu emas yang banyaknya sampai ke perut bumi...”

(*Hikayat Tanah Jauh*, hlm. 12)

Kerakusan watak terpancar apabila beliau bermimpi tentang seekor naga yang memuntahkan berlian. Umum mengetahui mimpi adalah suatu pengalaman bawah sadar yang berlaku sewaktu kita tidur. Kejadian dalam mimpi biasanya mustahil untuk berlaku dalam alam nyata. Bagaimana pun, bagi Puan Insun mimpi tersebut seakan petanda atau “alamat” yang memberitahu bahawa terdapat lagi jenis emas, berlian dan mutiara yang istimewa dan mungkin tidak ternilai harganya iaitu yang akan dimuntahkan oleh seekor naga. Akibat sifat yang sangat mementingkan kebendaan ini, Puan Insun tanpa berfikir dengan waras telah memerintahkan Tuan Syeikh untuk pergi ke dalam perigi buta dengan alasan beliau orang berilmu dan boleh menangani naga tersebut. Sedangkan realitinya, alim ulama adalah golongan yang harus dihormati atas faktor ketinggian ilmu dan akhlak dan tidak boleh diperkotak-katikkan sewenangnyanya, khususnya bagi tujuan peribadi.

KERACAUAN WAKTU DAN KECELARUAN IDENTITI

Wendy B. Faris (2004) menyatakan bahawa, imej atau peristiwa magis yang terpancar dari ruang realiti sering menyerlahkan isu-isu utama dalam teks. Isu-isu ini merupakan isu yang berlegar di luar teks dan diserap ke dalam karya dengan tujuan untuk difikirkan dan dikritik dalam bentuk simbolisme. Isu utama yang diketengahkan kemudiannya menimbulkan keajaiban yang tidak dapat dijelaskan mengikut

hukum logik. Ia sering kali mengganggu hubungan logik berdasarkan sebab dan akibat dalam sesuatu penceritaan. Apabila wujud gangguan, keanehan dan magis itu, ia diperlihatkan pengarang sebagai perkara biasa. Dalam masa yang sama, pembaca sendiri meletakkan kelogikan dan tidak mempersoalkan unsur magis yang hadir. Secara tidak langsung, pembaca merasai kehadiran dunia yang hampir bergabung yang digambarkan *an imaginary point inside a double-sided mirror that reflects in both directions* (Faris 2004: 22).

Penggabungan dua dunia ini digambarkan seperti sebuah cermin yang membiaskan dua arah, iaitu dunia realiti dan dunia magis. Antara kedua-dua dunia itu, ia tidak mempunyai sempadan dan boleh dilalui tanpa halangan. Wendy B. Faris melanjutkan, karya realisme magis memperlihatkan unsur-unsur penceritaan yang luar biasa, magis dan wujudnya peristiwa yang tidak dapat dijelaskan dengan persepsi pancaindera. Sebagai contoh, kehadiran hantu, roh, semangat, firasat dan ramalan tidak dapat dibuktikan secara saintifik tetapi pembaca cuba menerimanya sebagai perkara yang biasa dan tidak mustahil berlegar dalam alam realiti.

Merujuk kepada latar, ia berperanan memberikan suasana kepada peristiwa dan manusia yang terdapat dalam cerita (Johan Jaafar, 1983:44). Latar penting dalam mengembangkan tema, persoalan, plot, watak, dan perwatakan. Idea, plot, dan watak akan lebih “hidup” jika berada dalam situasi pelbagai latar. Latar merangkumi pelukisan geografi, topografi, pemandangan, bangunan, peralatan, tanggungjawab watak dan waktu misalnya. Lewat penelitian terhadap *Hikayat Tanah Jauh*, dikesani pengarang menyaring latar dari dua tempat yang berlainan, misalnya;

“...“Perigi buta belakang Mahligai Gadang ini-wujud sejak zaman kolonial; ada versi menyatakan lebih awal daripada zaman itu. “Orang Putih kebetulan membina rumah istirehat Tuan Residen di sini-sedangkan perigi ini sudah ada sejak ratusan tahun sebelum itu, “kata Pacal Tua”...”

(*Hikayat Tanah Jauh*, hlm. 14)

Tindakan pengarang menggabungkan dua dunia iaitu zaman dulu dan zaman kini dilihat menimbulkan suatu keracauan waktu. Peristiwa tersebut disebabkan oleh plot yang tidak kronologis atau pun lebih tepatnya bersifat jungkir balik. Cerita yang dipaparkan tiada urutan masa dan latar tempatnya juga tidak tetap. Keracauan waktu ini merupakan salah satu ciri dalam realisme magis. Pembaca tidak dapat mengenalpasti waktu sebenar kerana latar yang berbaur. Pengarang memanfaatkan teknik imbas kembali semaksimumnya dalam novel ini agar penceritaan menjadi lebih berkesan. Namun, ianya digarap dengan jitu oleh pengarang sehingga seakan tidak wujud pemisahan antara keduanya. Plot novel bertindih dan berselang seli dan kadang-kadang mengelirukan pembaca.

Latar dan peristiwa yang bertindih dalam novel ini amat menuntut pembacaan yang teliti. Jong Chian Lai (2009), menegaskan bahawa pemaparan sesebuah novel adalah dalam bentuk akrostik atau *puzzle* bergambar yang disengajakan untuk mencabar diri khalayak. Pengarang secara tidak langsung mencabar pemikiran pengkritik. Pengarang menulis novel ini tanpa bab-bab, berselang seli dengan penampilan plot dan subplot yang mengelirukan pembacaan. Menariknya, latar yang bersifat kontemporari ini dijalin dengan baik dengan latar silam sehingga tidak menimbulkan sebarang kejanggalan dalam perjalanan plot cerita.

Selain itu, novel yang beraliran realisme magis juga memaparkan watak yang berkaitan dengan latar dan sejarah yang memang benar-benar wujud di Tanah Melayu tetapi didekonstruksikan dengan jalinan yang halus. Di samping sarat dengan elemen mitos dan unsur magis, novel yang beraliran ini juga ada unsur politik. Novel *Hikayat Tanah Jauh* mengutarakan senario eksploitasi golongan ilmuan agama dalam bidang politik sebagaimana diperagakan;

“...Pacal Tua mendengus: “Huh...namanya pun politik; yang dijaga bukan ilmunya, tetapi kegunaan orang itu serta ilmu untuk kepentingan politik...”

(*Hikayat Tanah Jauh*, hlm. 14)

Watak si Pacal Tua ini pada awalnya digambarkan berada dalam zaman Melayu tradisional, kemudiannya dihadirkan dengan isu politik masa kini. Unsur magis turut dikesani apabila seorang “pacal” mengeluh dengan situasi di mana seorang ulama’ telah diperkotakkatikkan oleh golongan bangsawan serta dipergunakan atas nama “orang yang tinggi ilmunya” demi kepentingan politik. Namun, tatkala pembaca dibuai dengan peristiwa dan watak magis yang sinonim dengan cerita lipur

lara, mitos dan legenda Melayu, pengarang memperkenalkan pula watak yang terdapat dalam latar semasa.

Umum mengetahui, penggunaan nama “pacal” biasanya merujuk ke zaman silam. Ia membawa maksud “hamba kepada raja” dan merupakan kata ganti diri pertama apabila bercakap dengan golongan raja atau pemerintah. Penggunaan nama ini menandakan kerendahan diri seseorang melebihi taraf rakyat biasa. Manakala situasi politik itu seakan memperlihatkan peralihan zaman sudah pun berlaku. Justeru, berlalu kecelaruan identiti si Pacal Tua apabila berada dalam dua zaman yang berbeza.

KRITIKAN TERHADAP PEMIMPIN

Ironi dan paradoks banyak digunakan dalam karya realisme magis sebagai bentuk aspirasi terhadap dunia sosial dan politik. Dalam hal ini, karya realisme magis bertindak sebagai medium penghantar kritikan terhadap politik dan masyarakat sebagai tujuan utama. Wendy B. Faris (2004) menjelaskan bahawa realisme magis yang diperkenalkan pada awal abad kedua puluh untuk menggambarkan gaya baru, neo-realistik dalam lukisan Jerman, kemudian diterapkan dalam fiksiyen Amerika Latin, sebagai petanda bakal menjadi trend kontemporari yang paling penting dalam dunia fiksiyen antarabangsa. Dalam hal ini, Faris menyatakan bahawa realisme magis menjadi sangat penting sebagai cara ekspresi di seluruh dunia, terutama dalam budaya pascakolonial, sebagai platform kesusasteraan yang membawa pemikiran-pemikiran kebudayaan; yang terkandung dalam teks, suara-suara yang dipinggirkan, tradisi yang hilang, dan kemunculan karya-karya sastera yang berkembang dan menghasilkan karya agung.

Sastera berfungsi sebagai kritik sosial, kritik sosial adalah salah satu bentuk komunikasi dalam masyarakat yang bertujuan atau berfungsi sebagai kontrol terhadap jalannya suatu sistem sosial atau proses bermasyarakat. mengambil suatu kesimpulan bahwa yang dimaksud dengan kritik sosial adalah suatu aktifitas yang berhubungan dengan penilaian, perbandingan, dan pengungkapan mengenai kondisi sosial suatu masyarakat yang terkait dengan nilai-nilai yang dianut ataupun nilai-nilai yang dijadikan pedoman. Adapun tindakan mengkritik dapat dilakukan oleh siapapun termasuk sasterawan dan kritik sosial merupakan suatu *variabel* penting dalam memelihara sistem sosial yang ada.

Menerusi penelitian yang dikerjakan terhadap novel *Hikayat Tanah Jauh* menggunakan teori realisme magis, didapati pengarang menggunakan wadah komunikasi massa dalam menyalurkan sindiran kepada parti politik dan masyarakat dalam parti. Misalnya, sikap rakyat yang hanya menerima secara semberono perlakuan-perlakuan negatif yang dilakukan pemimpin, tanpa berani bersuara atau membantah. Selain itu, politik hanya “mengkayakan” pihak atasan atau pemerintah sahaja, sedangkan keringat rakyat diperah dan mereka ditindas. Keracauan waktu dan identiti dimasukkan pengarang bagi mengelakkan khalayak tahu mengenai kisah sebenar yang cuba disampaikan. Hal ini bagi mengelakkan tindakan undang-undang dikenakan ke atas pengarang berikutan novel ini merupakan novel satira politik.

KESIMPULAN

Dapat dikatakan bahawa, pengarang memanfaatkan karya sastera sebagai salah satu wadah komunikasi massa. Dalam novel ini misalnya, terkandung pemikiran, aspirasi dan ideologi pengarang yang cuba disampaikan secara halus. Paling penting, ada makna baru yang perlu ditafsirkan khalayak. Meneliti novel *Hikayat Tanah Jauh*, Zainal Abidin Rashid memanfaatkan segala pengalaman, khususnya sebagai wartawan dan warganegara yang mewakili suara rakyat Malaysia. Percaturan politik orang Melayu dirasakan tidak kena serta kebobrokan pemimpin yang semakin parah ini digambarkan dalam karya realisme magis bertunjangkan pandangan alam Melayu. Hal ini sekaligus memperlihatkan pemahaman pengarang terhadap permasalahan bangsa Melayu dan persekitarannya. Sebagai pengarang di negara dunia membangun yang masih utuh memegang tradisi, Zainal Rashid mendapati elemen magis daripada khazanah kesusasteraan Melayu tradisional adalah medium terbaik untuk menyampaikan kritikan dalam karyanya.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusuf. (2003). *Komunikasi Untuk Pengurus*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Abd. Rahman Abdul Aziz. (2000). *Kemahiran Sosial Asas*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Adya Arsita dan Wening Udasmoro. (2016). *Kajian Visualisasi Bahasa pada Novel Grafis The Photographer: Into War-Torn Afghanistan, with Doctors without Borders*. Tesis Sarjana Muda, Kajian Budaya dan Media di Universitas Gadjah Mada.
- Ahmad Syarifudin dan Aprinus Salam. (2018). *Kajian Karya-Karya Sanarto Sebagai Realisme Magis*. Tesis Sarjana Muda, Sastra Indonesia di Universitas Gadjah Mada.
- Ali, A. H. (2022). Karya Kesusasteraan sebagai satu Manifestasi fungsi Seorang Manusia: Literature Works as a Manifestation of the Function of a Human Being. *PENDETA*, 13(1), 11–25. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.fa.2.2022>
- Asmiaty Amat & Roziah Adama. (2021). Dunia Hampir Bergabung dalam Kumpulan Cerpen Laron oleh Jasni Matlani: Satu Bacaan Realisme Magis. *Akademika* 91(1): 15-23.
- Bowers & Maggie Ann. (2004). *Magic(al) Realism*. London and New York: Routledge.
- Faris, Wendy B. (2004). *Ordinary Enchantments: Magical Realism and the Remystification of Narrative*. Nashville: Vanderbilt University Press.
- Hashim Fauzy Yaacob. (2001). *Komunikasi Antara Manusia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jong, Chian Lai. 2009. *Ensera Marga Timur Dari St. Anthony*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mawar Safei dan Tuan Rusmawati. (2020). Daun Sebagai Wahana Komunikasi dalam Kesusasteraan Melayu. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 36(3): 157-175.
- Millie, J. (2004). *Bidasari: Jewel of Malay Muslim Culture*. Netherlands: KITLV Press.
- Muhammad Hafiz Mohd Hamzan. (2013). Pemaparan Realisme Magis dalam Filem: Satu Kajian Psikodinamik Terhadap Karakter Dalam Filem *Pan's Labyrinth 2006*. Kertas Projek. Universiti Teknologi Mara.
- Liaw, Yock Fang. (1975). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Muhd Yussoff Hashim. (2015). *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sandra Whilla Mulia. (2016). Realisme Magis Dalam Novel *Simple Miracles Doa Dan Arwah* Karya Ayu Utami. *Jurnal Lakon*, 5 (1): 30-44.
- Shannon Ahmad. (2002). Unsur Realisme Magis Melalui Konsep Pencerobohan dalam Karya Karya Awal Gabriel Garcia Marquez. Dlm. Lalita Sinha (pytg). *Tradisi dan Moderniti: Kesusasteraan Melintasi Zaman dan Wilayah*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sie, Hendrikus. (2020). *Realisme Magis Dalam Novel Seratus Tahun Kesunyian Karya Gabriel Garcia Marquez Berdasarkan Konsep Karakteristik Realisme Magis Wendy B. Faris*. Tesis Pasca Sarjana di Institut Filsafat dan Teknologi Kreatif Ledalero. <http://nyala.ungguncreative.com/realisme-magis-bacaan-secara-umum/>